



## **Pembuatan keputusan kewangan: Kajian kes keluarga dwi-kerjaya di Malaysia**

Zaimah R<sup>1</sup>, Sarmila MD<sup>1</sup>, Abd Hair Awang<sup>1</sup>, N Lyndon<sup>1</sup>, Selvadurai S<sup>1</sup>, Suhana Saad<sup>1</sup>,  
Azima AM<sup>1</sup>, Rosniza Aznie CR<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Zaimah R (email: zaimahr@ukm.my)

### **Abstrak**

Makalah ini bertujuan mengenal pasti pola pembuatan keputusan kewangan keluarga dwi-kerjaya di Malaysia. Kajian dilakukan dalam kalangan pekerja sektor awam yang berkahwin dalam kumpulan pengurusan dan profesional, serta mempunyai pasangan yang juga berkerjaya dalam kumpulan profesional. Sejumlah 84 orang responden dilibatkan dalam analisis ini. Analisis statistik diskriptif digunakan dalam perbincangan. Tiga pola utama pembuatan keputusan kewangan ditonjolkan dalam dapatan ini, iaitu pembuatan keputusan oleh suami, pembuatan keputusan oleh isteri, dan pembuatan keputusan kewangan oleh suami-isteri. Hasil kajian mendapati pembuatan keputusan kewangan oleh suami adalah melibatkan perbelanjaan tinggi dan komitmen tinggi. Pembuatan keputusan oleh isteri pula lebih menjurus kepada perbelanjaan keperluan keluarga. Sementara pembuatan keputusan oleh suami-isteri adalah cenderung kepada keputusan yang berkaitan dengan keperluan anak-anak.

**Katakunci:** keluarga dwi-kerjaya, komitmen tinggi, pekerja berkahwin, pembuatan keputusan kewangan, sektor awam, teori sumber

## **Financial decision making: A case study on dual-career families in Malaysia**

### **Abstract**

This article aims to identify the pattern of financial decision making among dual-career families in Malaysia. This study was conducted among married public sector workers in the group of management and professionals whom the partner is also among the professional group. A total of 84 respondents is involved in the analysis. Descriptive statistical analyses were used in the discussion. Three main patterns of financial decisions making highlighted in the findings, which is a financial decision by the husband, financial decisions by the wife, and financial decisions by husbands and wives. The study found that financial decision making by the husband involved a high amount of expenses with high commitment. The decision making by the wives prone towards decision making on basic family needs. On the other hand the decision making by husband and wife are more towards decision on the needs of the children.

**Keywords:** dual-career families, financial decision making, high commitment, married workers, public sector, resource theory

## Pengenalan

Pembuatan keputusan kewangan merupakan aspek penting dalam sesebuah keluarga, lebih-lebih lagi dalam keluarga dwi-kerjaya. Keluarga dwi-kerjaya merujuk kepada satu bentuk struktur keluarga yang terdiri daripada suami dan isteri yang terlibat secara aktif dalam pekerjaan. Keluarga dwi-kerjaya wujud disebabkan oleh penyertaan wanita dalam pekerjaan (Foster, 1988; Foster & Mammen, 1992; Goldsmith, 2005; Blau et al., 2006; Noor Rahamah, 2012). Bilangan keluarga dwi-kerjaya juga dijangkakan semakin meningkat di Malaysia memandangkan semakin ramai wanita mempunyai tahap pendidikan di peringkat tertiar (Sabitha, 2005; Zaimah & Sarmila, 2012).

Kewujudan keluarga dwi-kerjaya ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan dalam keluarga, malahan ia turut memberikan satu jaminan keteguhan kewangan kepada keluarga (Goldsmith, 2005; Gupta et al., 2008) dan individu itu sendiri. Hal ini kerana setiap pasangan mempunyai sumber kewangan sendiri (Goldsmith, 2005; Yilmazer & Lyons, 2010), yakni mereka tidak bergantung semata-mata kepada sumber kewangan pasangan.

Selain itu, struktur keluarga dwi-kerjaya dijangka turut menyebabkan perubahan dalam pola pembuatan keputusan kewangan dalam keluarga memandangkan kedua-dua suami dan isteri menyumbang pendapatan dalam keluarga (Edgel, 1980; Grossbard-Shectman, 2003; Bernasek & Bajtelsmit, 2002; Samsinar et al., 2004). Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti pola pembuatan keputusan kewangan keluarga dwi-kerjaya di Malaysia.

## Ulasan literatur

Pembuatan keputusan kewangan didefinisikan sebagai autoriti individu terhadap sesuatu pembuatan keputusan kewangan dan lazimnya dijelaskan dalam bentuk pola pembuatan keputusan kewangan, sama ada dilakukan secara bersama di antara suami dan isteri, atau salah seorang lebih mendominasi (Bernasek & Bajtelsmit, 2002). Pembuatan keputusan kewangan melibatkan hubungan antara wang dan kuasa dalam keluarga. Menurut Hertz (1992), siapa yang mempunyai pendapatan akan memiliki pengaruh besar dalam membuat keputusan dalam keluarga. Kuasa membuat keputusan lazimnya dijelaskan dalam bentuk pola pembuatan keputusan kewangan, sama ada dilakukan secara bersama antara suami dan isteri, atau salah seorang lebih mendominasi (Coleman & Ganong, 1989; Muske, 1995; Muske & Winter, 2001). Menurut Grassbard-Shectmen (2003), wanita yang bekerja dan mempunyai pendapatan serta memiliki harta sendiri mempunyai kelebihan bersuara dalam pembuatan keputusan kewangan keluarga berbanding dengan wanita yang tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri. Malahan, kemungkinan untuk isteri mempunyai lebih kuasa dalam pembuatan keputusan kewangan adalah sangat tinggi apabila 20 hingga 25 peratus pasangan yang bekerja mencatatkan bahawa isteri mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding suami (Winkler, 1998). Bernasek dan Bajtelsmit (2002) turut mendapati bahawa penyertaan wanita dalam pembuatan keputusan kewangan dalam keluarga mempunyai hubungan positif dengan nilai sumbangan pendapatan mereka dalam keluarga. Wanita akan mempunyai lebih kuasa membuat keputusan kewangan sekiranya ia menyumbang bahagian yang besar dalam pendapatan keluarga. Namun begitu, lelaki didapati lebih berpeluang membuat keputusan kewangan dalam keluarga apabila mempunyai tahap pendidikan, tahap pendapatan dan aset kewangan yang lebih tinggi berbanding wanita (Lindamood & Hanna, 2006; Zaimah, 2011b).

Kajian lepas di atas menyokong andaian utama dalam teori sumber yang diperkenalkan oleh Robert Blood dan Donald Wolfe pada tahun 1960. Teori sumber menegaskan bahawa 'keseimbangan kuasa' dalam pembuatan keputusan akan memihak kepada pasangan yang memberikan sumbangan sumber (termasuk wang) terbanyak dalam hubungan perkahwinan. Malahan kuasa wanita dalam membuat keputusan diandaikan meningkat seiring dengan peningkatan sumber yang disumbangkannya dalam sesebuah keluarga. Namun begitu, hubungan antara sumber dengan kuasa dalam perkahwinan juga bergantung kepada peranan

gender yang banyak dipengaruhi oleh faktor sosio-budaya masyarakat setempat (Ahmad, 1999; Norzareen & Nobaya, 2010; Kaur, 2008; Zaimah, 2011a; Zaimah, 2011b). Lebih daripada itu, sumbangan pendapatan antara pasangan suami-isteri dalam keluarga turut mempengaruhi kepuasan kewangan. Tahap kepuasan kewangan suami akan menurun apabila isteri memperoleh pendapatan melebihi pendapatan suami. Selain itu, wanita didapati lebih suka mengelakkan risiko dalam pembuatan keputusan kewangan berbanding lelaki (Yilmazer & Lyons, 2010) walaupun mereka memperoleh sumber kewangan yang lebih berbanding lelaki (Jianakoplos & Bernasek, 2008). Misalnya Yilmazer dan Lyons (2010) mendapati wanita bawahan berkahwin yang mempunyai kuasa lebih besar terhadap sumber kewangan keluarga adalah kurang berminat untuk melabur dalam aset berisiko.

## Metod kajian

Bagi tujuan mengenal pasti pola pembuatan keputusan kewangan keluarga dwi-kerjaya dalam kalangan pekerja sektor awam yang berkahwin, 84 orang responden yang terdiri daripada pekerja dalam kumpulan pengurusan dan profesional serta mempunyai pasangan yang berkerjaya dalam kumpulan profesional yang tinggal di sekitar Bandar Baru Bangi dilibatkan dalam analisis. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Pembuatan keputusan kewangan diukur menggunakan empat skala, iaitu 1=suami; 2=isteri; 3=anak; 4=suami-isteri; 5=lain-lain terhadap 14 perkara, iaitu barangan makan dan minum, makan dan minum di luar rumah, pakaian dan kasut, peralatan komunikasi, peralatan elektrik rumah, perabot/perhiasan rumah, kenderaan, hartanah, perubatan, pendidikan anak, insurans nyawa, insurans pendidikan, percutian keluarga, dan wang kepada ibu-bapa. Responden dikehendaki menanda 'siapa yang paling kerap' membuat keputusan membelanjakan wang ke atas perkara yang berkaitan dengan keputusan kewangan dalam keluarga. Analisis statistik diskriptif digunakan dalam perbincangan ini.

## Hasil kajian

### *Profil responden*

Jadual 1 menunjukkan profil responden. Responden berjumlah 84 orang dan 64.3 peratus daripadanya adalah lelaki. Responden berumur antara 26 hingga 55 tahun dan purata umur responden ialah 40 tahun. Semua responden adalah berkahwin dan purata tempoh perkahwinan adalah 13 tahun (minimum setahun; maksimum 30 tahun). Responden memiliki anak antara 0 hingga 8 orang dan purata bilangan anak yang dimiliki ialah 3 orang. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian kecil responden memiliki anak melebihi lima orang, iaitu 6 peratus. Purata tempoh bekerja responden ialah 16 tahun. Namun begitu terdapat responden yang telah bekerja melebihi 30 tahun, iaitu sekitar 10 peratus. Sementara itu, purata pendapatan bulanan responden ialah RM5,569.00 dan purata pendapatan bulanan pasangan ialah RM3,304.00. Perbezaan ketara antara pendapatan responden dengan pasangan ini disebabkan sebahagian besar responden adalah lelaki, yakni suami dan secara perbandingan mereka didapati mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi.

**Jadual 1. Latar belakang responden**

	Kekerapan (%) / Purata (SP)	Purata (SP)
Jantina:		
Lelaki	54 (64.3)	-
Wanita	30 (35.7)	-
Umur	-	40 (9.46)
Tempoh perkahwinan	-	13 (9.67)
Bilangan anak	-	3 (1.77)
Tahap pendidikan:		
Lepasan universiti	76 (90.5)	
Bukan lepasan universiti	8 (9.5)	
Tempoh bekerja	-	16 (10.21)
Pendapatan bulanan responden (RM)	-	5,569 (2394.78)
Pendapatan bulanan pasangan (RM)	-	3,304 (28.9.58)

*Pola pembuatan keputusan kewangan*

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut pola pembuatan keputusan kewangan dalam keluarga. Pembuatan keputusan kewangan oleh suami yang mencatatkan peratusan tertinggi boleh dilihat pada sebelas perkara, iaitu makan dan minum di luar rumah (47.6%), peralatan komunikasi (58.3%), peralatan elektrik rumah (46.4%), kenderaan (76.2%), hartanah (71.4%), perubatan (48.8%), pendidikan anak (45.2%), insurans nyawa (60.7%), insurans pendidikan (53.6%), percutian keluarga (38.1%) dan wang kepada ibu-bapa (42.9%). Enam daripadanya (hartanah, perubatan, pendidikan anak, insurans nyawa, insurans pendidikan dan wang kepada ibu-bapa) mencatatkan peratusan lebih tinggi daripada dapatan Zaimah (2011a & 2011b) yang juga melihat pola pembuatan keputusan kewangan dalam kalangan pekerja keluarga dwi-pendapatan secara umum, yakni melibatkan pekerja kumpulan sokongan.

**Jadual 2. Pola pembuatan keputusan kewangan**

Item perbelanjaan keluarga	Kekerapan (%)				Individu
	Suami	Isteri	Anak	Suami-Isteri	
1. Barangan makan dan minum	19 (22.6)	56 (66.7)	2 (2.4)	7 (8.3)	-
2. Makan dan minum di luar rumah	40 (47.6)	24 (28.6)	4 (4.8)	16 (19.0)	-
3. Pakaian dan kasut.	23 (27.4)	43 (51.2)	3 (3.6)	14 (16.7)	1 (1.2)
4. Peralatan komunikasi.	49 (58.3)	18 (21.4)	4 (4.8)	12 (14.3)	1 (1.2)
5. Peralatan elektrik rumah.	39 (46.4)	33 (39.3)	2 (2.4)	10 (11.9)	-
6. Perabot/perhiasan rumah.	20 (23.8)	50 (59.5)	2 (2.4)	12 (14.3)	-
7. Kenderaan.	64 (76.2)	9 (10.7)	2 (2.4)	9 (10.7)	-
8. Hartanah.	60 (71.4)	6 (7.1)	-	18 (21.4)	-
9. Perubatan.	41 (48.8)	27 (32.1)	-	16 (19.0)	-
10. Pendidikan anak.	38 (45.2)	19 (22.6)	2 (2.4)	25 (29.8)	-
11. Insurans nyawa.	51 (60.7)	11 (13.1)	-	22 (26.2)	-
12. Insurans pendidikan.	45 (53.6)	16 (19.0)	1 (1.2)	22 (26.2)	-
13. Percutian keluarga.	32 (38.1)	28 (33.3)	2 (2.4)	22 (26.2)	-
14. Wang kepada ibu bapa.	36 (42.9)	23 (27.4)	-	22 (26.2)	3 (3.6)

Sebaliknya, pembuatan keputusan kewangan oleh isteri hanya mencatatkan peratusan tertinggi pada tiga perkara, iaitu barangan makan dan minum (66.7%), pakaian dan kasut (51.2%) dan perabot/perhiasan rumah (59.5%). Sementara itu, tiada peratusan tertinggi yang dicatatkan bagi pembuatan keputusan kewangan bersama oleh suami-isteri. Pola pembuatan keputusan kewangan secara bersama (suami-isteri) adalah tidak menyerlah

dalam kajian ini walaupun subjek kajian adalah pekerja berkahwin dalam kalangan keluarga dwi-kerjaya. Menariknya, terdapat juga pembuatan keputusan kewangan secara individu, iaitu masing-masing membuat keputusan ke atas perkara yang sama. Secara umum, perkara ini seolah-olah menggambarkan sifat individualistik dalam kalangan pasangan suami-isteri terbabit namun tidak begitu menyerlah.

Tiga pembuatan keputusan kewangan tertinggi yang dibuat oleh suami adalah melibatkan pembuatan keputusan kewangan yang berkaitan dengan pembelian kenderaan, peralatan komunikasi dan makan/minum di luar rumah. Manakala pembuatan keputusan kewangan tertinggi yang dibuat oleh isteri pula melibatkan pembuatan keputusan kewangan yang berkaitan dengan barangan makan/minum, pakaian/kasut dan perabot/perhiasan rumah.

Sementara peratusan pembuatan keputusan kewangan tertinggi yang dibuat bersama suami-isteri melibatkan pembuatan keputusan kewangan yang berkaitan dengan pendidikan anak, insurans pendidikan, dan insurans nyawa. Hal ini menyokong dapatan Safilios-Rothschild (1969) dalam Egdel (1980), Grassbard-Shectman (2001), Bernasek dan Bajtelsmit (2002), Lindamood dan Hanna (2006) dan Zaimah (2011), iaitu pembuatan keputusan penting yang melibatkan perbelanjaan besar adalah didominasi suami. Manakala keputusan kurang penting dan melibatkan perbelanjaan yang kecil dibuat oleh isteri.

Dapatan ini menunjukkan bahawa suami mempunyai kelebihan dalam membuat keputusan berkaitan kewangan dalam keluarga dwi-kerjaya, terutamanya dalam perkara yang melibatkan perbelanjaan besar dan komitmen yang tinggi. Bermaksud, walaupun isteri mempunyai tahap pendidikan tinggi dan bekerja dalam kumpulan profesional, tetapi mereka tidak mempunyai kelebihan dalam pembuatan keputusan kewangan keluarga. Faktor sosio-budaya dijangkakan banyak mempengaruhi dapatan ini, memandangkan sebahagian besar responden adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

## Rumusan

Ringkasnya, pola pembuatan keputusan kewangan dalam kalangan responden adalah masih menyamai dapatan kajian sebelumnya, iaitu pembuatan keputusan kewangan yang didominasi sama ada oleh suami, isteri atau suami-isteri. Terdapat juga pembuatan keputusan yang dibuat oleh anak dan individu, tetapi peratusannya amat rendah dan tidak wajar diketengahkan dalam hasil kajian ini. Pembuatan keputusan kewangan yang didominasi oleh suami adalah keputusan yang melibatkan perbelanjaan besar dan komitmen tinggi, seperti hartanah. Manakala pembuatan keputusan kewangan yang didominasi oleh isteri pula lebih menjurus kepada perbelanjaan keperluan dan kepentingan dalaman keluarga. Sementara pembuatan keputusan yang dibuat secara bersama suami-isteri adalah lebih mengarah kepada keperluan anak-anak. Dapatan ini menunjukkan suami tetap mempunyai autoriti dalam pembuatan keputusan kewangan walaupun isteri juga bekerja dan mempunyai pendapatan. Bermakna, hubungan antara sumber dengan kuasa dalam perkahwinan adalah bergantung kepada peranan gender yang banyak dipengaruhi oleh faktor sosio-budaya masyarakat setempat.

## Penghargaan

Kertas ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang ditaja oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, Dana Penyelidikan SK/21/2007.

## Rujukan

Ahmad A (1999) Gender role orientation of husbands and work-family conflict of wives in dual-earner families. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 7 (1), 1-9.

- Bernasek A, Bajtelsmit VL (2002) Predictors of women's involvement in household financial decision-making. *Association for Financial Counseling and Planning Education* **13** (2), 39-47.
- Blood RO, Wolfe DM (1960) Husband and wife: The dynamics of married living. The Free Press, Glencoe.
- Coleman M, Ganong LH (1989) Financial management in stepfamilies. *Lifestyles: Family and Economic Issues* **10** (3), 217-232.
- Edgel S (1980) *Middle-class couples: A segregation, domination and inequality in marriage*. George Allen dan Unwin, London.
- Foster AC (1988) Wife's employment and family expenditures. *Journal of Consumer Studies and Home Economics* **12**, 15-27.
- Foster AC, Mammen S (1992) Impact of wife's employment on service expenditures. *Journal of Consumer Studies and Home Economics* **16**, 9-18.
- Goldsmith EB (2005) *Resource management for individuals and families*. 3<sup>rd</sup> edition. Thompson Wadsworth, United States.
- Grossbard-Shectmen S (2003) The new home economic at Columbia and Chicago. In: Grossbard-Schechman SA (eds) *Marriage and the Economy: Theory and evidence from advanced industrial societies*, pp.1-36. Cambridge Press, New York.
- Gupta AE, Walker T, Huston A (2008) Working families should not be poor. In: Crane DR, Heaton TB (eds) *Handbook of families and poverty*, pp.32-47. SAGE Publications, London.
- Hertz R (1992) Financial affairs: Money and authority in dual-earner marriage. In: Lewis S, Izraeli DN, Hootsmans H (eds) *Dual-earner families: International perspectives*, pp.127-150. SAGE Publications, London.
- Jianakoplos NA, Bernasek A (2008) Family financial risk taking when the wife earns more. *Journal of Family Economic Issues* **29**, 289-306.
- Kaur S (2008) Women at work: Work family conflict and wellbeing. *Pertanika Journal Social Science dan Humanity* **16** (2), 257-268.
- Lindamood S, Hanna SD (2006) The more financially knowledgeable person in older couple households. *Consumer Interests Annual* **52**, 315-330.
- Muske G (1995) Family financial management: A case study from the perspective of the money manager. *Family Economic and Resource Management Biennial*. pp.129-134.
- Muske G, Winter M (2001) An in-depth look at family cash-flow management practices. *Journal of Family and Economic Issues* **22** (4), 353-372.
- Noor Rahamah Abu Bakar (2012) Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* **8** (7), 155-162. Available from: [www.ukm.my/geografia](http://www.ukm.my/geografia).
- Norzareen M, Nobaya A (2010) Women of the sandwich generation in Malaysia. *European Journal of Social Sciences* **13** (2), 171-178.
- Sabitha Marican (2005) *Membentuk suasana kerja positif: Aspek hubungan manusia dan persekitaran sosial*. Utusan Publications dan Distributors, Kuala Lumpur.
- Samsinar Md Sidin, Wong Foong Yee, Ruhana Busu, Dahlia Zawawi, Zalfa Laili Hamzah (2004) The effect of spousal on family purchase decision-making in Malaysia – A replication. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* **7**, 131-138.
- Winkler AE (1998) Earnings of husbands and wives in dual-earner families. *Monthly Labor Review*. pp. 42-48.
- Yilmazer T, Lyons AC (2010) Marriage and the allocation of assets in women's defined contribution plans. *Journal of Family Economic Issues* **31**, 121-137.
- Zaimah Ramli (2011) Pembuatan keputusan kewangan pengguna. *Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA ke-14*. UKM-Bangi. Julai 13-14.
- Zaimah Ramli (2011a) Wanita dan pembuatan keputusan kewangan. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*. 21, 64-75.

- Zaimah Ramli (2011b) Pengaruh faktor pengetahuan, tingkah laku kewangan, dan pembuatan keputusan terhadap kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin (PhD dissertation) Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Zaimah Ramli, Sarmila Md Sum (2012) History of dual-career families in Malaysia. *Prosiding The 5<sup>th</sup> Thai-Malaysian International Conference on Southeast Asian Studies, Mahidol University International College, Bangkok*. Februari 16-17. Cakera padat.